

# “HENDAK DIPERHAMBAT SYED HARUN ITU”: TINDAKBALAS PERLIS MENURUT TEORI ‘ASABIYYAH IBN KHALDUN

## “HENDAK DIPERHAMBAT SYED HARUN ITU (THE CONTENTION OF SYED HARUN)”: A PERLIS RESPONSE ACCORDING TO IBN KHALDUN'S 'ASABIYYAH THEORY

Hazman Hassan <sup>1</sup>

Mohd Kasturi Nor Abd Aziz<sup>2</sup>

Ahmad Hifzurrahman Ridzuan <sup>3</sup>

Muhammad Isyraf Ishak<sup>4</sup>

Mohd Nazim Mohd Noor<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,  
(Email: hazman@uum.edu.my)

<sup>2</sup> Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK), Universiti Malaysia Perlis  
(UniMAP), Malaysia, (Email: kasturi@unimap.edu.my)

<sup>3</sup> Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK), Universiti Malaysia Perlis  
(UniMAP), Malaysia, (Email: hifzurrahman@unimap.edu.my)

<sup>4</sup> Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JAIPs), Malaysia,  
(Email: isyrafishak13@gmail.com)

<sup>5</sup> Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Malaysia,  
(Email: mohdnazim@maips.gov.my)

### Article history

**Received date** : 19-9-2023  
**Revised date** : 25-9-2023  
**Accepted date** : 29-10-2023  
**Published date** : 14-11-2023

### To cite this document:

Hassan, H., Abdul Aziz, M. K. N., Ridzuan A. H.,  
Ishak, M. I., & Mohd Noor, M. N. (2023). “Hendak  
Diperhambat Syed Harun Itu”: Tindakbalas Perlis  
Menurut Teori ‘Asabiyyah Ibn Khaldun. *Journal of  
islamic, social, economics and Development  
(JISED)*, 8 (58), 177 – 184.

**Abstrak:** Pada awal abad ke-19, mukim Arau di negeri Perlis ditadbir oleh Penghulu Syed Harun Jamalullail yang juga menantu kepada Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II, Sultan Kedah ke-21 (1798-1804). Kedudukan Syed Harun ini cuba dicabar oleh seorang kerabat diraja Kedah iaitu Tunku Yaakob ibni Sultan Abdullah Mukarram Shah atau lebih dikenali sebagai Tunku Embun. Kemuncaknya, Tunku Embun telah melepaskan tembakan meriam secara rambang dari Kodiang, Kedah ke Kota Arau, Perlis bagi tujuan menakut-nakutkan Syed Harun supaya berundur dan meninggalkan Arau. Walau bagaimanapun, Syed Harun dan penduduk Perlis telah bertindak balas. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menganalisis reaksi Wangsa Jamalullail Perlis terhadap ancaman ini dari perspektif teori ‘asabiyyah yang digagaskan oleh Ibnu Khaldun. Teori ‘asabiyyah merujuk kepada ikatan kesepaduan antara ahli-ahli sesebuah kumpulan, sebagaimana pandangan Ibn Khaldun dalam karya agunginya *al-Muqaddimah*. Adapun tindak balas Perlis terhadap serangan Tunku Embun adalah sepadan dengan teori ‘Asabiyyah Ibn Khaldun serta menjadi pemangkin kepada tertegaknya Kerajaan Jamalullail Perlis yang tersendiri.

**Kata Kunci:** *Perlis, Ibn Khaldun, 'Asabiyyah, Raja Melayu, Jamalullail*

**Abstract:** *In the early 19th century, the Arau district in Perlis was governed by Penghulu Syed Harun Jamalullail, who was also the son-in-law of Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II, the 21st Sultan of Kedah (1798–1804). Syed Harun's position was challenged by a royal relative of Kedah, Tunku Yaakob ibni Sultan Abdullah Mukarram Shah, better known as Tunku Embun. At its height, Tunku Embun fired cannon shots indiscriminately from Kodiang, Kedah, into Kota Arau, Perlis, in an attempt to intimidate Syed Harun into withdrawing from Arau. However, Syed Harun and the people of Perlis retaliated. Therefore, this paper aims to analyse the reaction of the Perlis Jamalullail Dynasty to this threat from the perspective of the 'Asabiyyah theory proposed then by Ibn Khaldun. 'Asabiyyah theory refers to the sense of unity among the members of a group, as articulated by Ibn Khaldun in his monumental work, al-Muqaddimah. Perlis' response to Tunku Embun's attack aligns with Ibn Khaldun's 'Asabiyyah theory and serves as a catalyst for the establishment of the independent Perlis Jamalullail Kingdom.*

**Keywords:** *Perlis, Ibn Khaldun, 'Asabiyyah, Malay Kings, Jamalullail*

## **Pengenalan**

Ibn Khaldun (1332-1406) merupakan cendekiawan sosiologi Islam yang telah membentangkan penafsiran yang tersendiri berhubung pengasasan, perkembangan dan kemerosotan sesebuah dinasti atau empayar dalam karya agungnya al-Muqaddimah. Beliau merungkai bahawa sesebuah dinasti memiliki kitaran hidup tertentu ibarat kitaran hidup manusia bermula daripada bayi, dewasa sehingga mati, bergantung kepada '*asabiyyah* yakni ikatan kesepaduan dalam dinasti tersebut. Oleh itu, makalah ini tentang serangan Tunku Embun terhadap Syed Harun dan tindakbalas Perlis berdasarkan teori '*asabiyyah* yang disebutkan oleh Ibn Khaldun dalam al-Muqaddimah. Maka Negeri Perlis bukanlah dibangunkan secara magis dalam sehari, bahkan memakan masa yang lama, perjuangan yang berterusan dan semangat '*asabiyyah* yang kuat.

## **Latar Belakang Ibn Khaldun**

Ibn Khaldun dikenali ramai sebagai sarjana Islam agung yang digelar sebagai Bapa Sosiologi dalam kalangan ahli-ahli akademik di serata dunia. Beliau adalah Waliyuddin Abdul Rahman Ibn Muhammad ibn Muhammad Ibn Muhammad Ibn al-Hasan Ibn Muhammad Ibn Jabir Ibn Muhammad ibn Ibrahim Abdul Rahman Ibn Khaldun al-Hadrami. Gelaran Khaldun dinisbahkan kepada datuk beliau yang kesembilan iaitu Khalid Ibn Uthman, kemudian diubah kepada Khaldun sebagai lambang kebesaran seseorang. Ibn Khaldun dilahirkan di Tunisia pada tahun 1332 dan meninggal dunia di Qahirah, Mesir pada tahun 1406 (Saleh, 2008). Keluarga beliau adalah keluarga pembesar yang berkedudukan dalam pemerintahan Dinasti al-Murabitun (al-Moravids) dan Dinasti al-Muwwahidun (al-Mohads) di Andalusia. Berasal dari Hadramaut, Yemen; keluarga ini berhijrah ke Andalusia sebelum berpindah lagi ke Tunisia khasnya semasa kemerosotan pemerintahan Islam di Semenanjung Iberia. Di Tunisia, bapa Ibnu Khaldun pernah memegang jawatan Menteri Kewangan dalam Dinasti al-Hafsiyyun (Hafsides). Demikian juga datuk dan abang beliau, masing-masing turut pernah memegang jawatan-jawatan pentadbiran. Sarjana ini mendapat pendidikan awal daripada bapanya sendiri yang merupakan ahli kesusasteraan. Dalam usia muda, Ibn Khaldun berjaya menguasai ilmu al-Qur'an dan Bahasa Arab. Sebahagian guru-guru beliau ialah Muhammad ibn Sa'ad Bursal al-Ansari, Muhammad Ibn Abdis Salam, Muhammad Ibn Abdul Muhaimin al-Hadrami dan

paling berpengaruh kepada beliau ialah Abu Abdillah Muhammad Ibn Ibrahim al-Abili (Firdaus, 2021).

Ibn Khaldun merupakan seorang sasterawan dan Ahli Fiqh. Beliau dilantik sebagai *Sahib al-Allamah* di bawah pemerintahan Sultan Abu Ishaq dan Abu Muhammad ibn Tafragin. Di bawah pemerintahan Dinasti Mariniyyun di Fas, beliau diangkat sebagai Setiausaha dan kemudiannya sebagai menteri dalam pemerintahan Ibn al-Khatib di Granada. Berkecimpung dalam dunia politik sebagai hakim, negarawan dan diplomat pernah menjadikan Ibn Khaldun dihumban ke penjara selama dua tahun. Apabila berlaku konflik antara beliau dengan Ibn al-Khatib, Ibn Khaldun pulang ke benua Afrika. Selepas menyepikan diri daripada dunia politik selama beberapa tahun, Ibn Khaldun berpindah ke Qahirah apabila dilantik sebagai pensyarah di Universiti al-Azhar. Beliau kemudiannya dipilih sebagai profesor di Kolej Qamhiyyah dan Kolej Buquqiyyah semasa pemerintahan Sultan al-Zahir Barquq. Ibn Khaldun juga pernah beberapa kali ditawarkan jawatan *Qadhi al-Qudhat* yakni ketua penganut mazhab Maliki di Mesir, namun beliau menolaknya. Dalam pengasingan selama empat tahun iaitu dari tahun 1374 sehingga 1378, Ibn Khaldun telah menyusun karya agungnya iaitu al-Muqaddimah atau Prolegomena yang terdiri daripada tujuh jilid panjang. Judul lengkap karya ini ialah "*Al-Ibar wa Diwan al-Mubtada' wa al-Khabar fi Ayyam al-'Arab wa al-'Ajam wa al-Barbar wa Man 'Asharahum min Dzawi al-Sha'n al-Akbar*" yang boleh diterjemahkan secara harfiah sebagai Book of Lessons, Records of Beginnings and Events in the History of the Arab, the Non-Arabs and the Berber and Their Powerful Contemporaries. Tunjang Al-Muqaddimah dikatakan berdiri di atas Teori '*Asabiyyah*' yang digagaskan oleh Ibn Khaldun yang bermanhaj Ahli Sunnah wal Jamaah (Ismail, N.F. & Abdul Rahim, A., 2018). Kandungannya dipuji sebagai sangat bernas dan belum pernah dikupas oleh mana-mana pengarang sebelum beliau. Karya ini diterjemahkan ke pelbagai bahasa seluruh dunia sehingga ke hari ini. Pemikiran Ibn Khaldun menerusi al-Muqaddimah banyak dibandingkan dengan pemikir klasik dan moden dari barat seperti Thucydides, Machiavelli, Giovanni Battista Vico, Montesquieu, Adam Smith, Auguste Comte, Ludwig Gumplowicz, Karl Marx, Emile Durkheim, Max Weber dan Arnold Toynbee.

### **Teori '*Asabiyyah*'**

*'Asabiyyah*' diangkat oleh Ibn Khaldun dalam konotasi yang sangat positif dan sudah pasti berbeza dengan tafsiran beberapa gerakan Islam kontemporari yang berpegang bahawa '*asabiyyah*' adalah semangat perkauman yang sempit. Sebaliknya Teori '*Asabiyyah*' yang dipelopori oleh Ibn Khaldun bermaksud perasaan solidariti, semangat kekitaan, semangat kekeluargaan, perjuangan yang berasaskan kepada keturunan atau darah, *esprit de corps* dan lain-lain dalam konteks yang positif. Wujud juga percubaan untuk mendefinisikan '*asabiyyah*' sebagai ikatan solidariti, solidariti kumpulan, perpaduan sosial, tribalisme, patriotisme, nasionalisme dan sebagainya. '*Asabiyyah*' bererti seseorang memiliki perasaan yang mendalam terhadap puaknya dan berpendapat adalah menjadi tanggungjawabnya untuk mencintai dan membela golongannya. '*Asabiyyah*' yang serupa menurut Ibn Khaldun, boleh dikongsi bersama-sama oleh mereka yang memiliki hubungan yang rapat walaupun tiada pertalian darah. '*Asabiyyah*' umumnya dibentuk menerusi hubungan yang rapat antara pemimpin dengan pengikut-pengikut mereka. Setiap pengikut sebuah kumpulan yang sama tidak akan berkongsi semangat '*asabiyyah*' yang serupa dengan kumpulan yang lain. Maka '*asabiyyah*' adalah ciri sosiopolitik yang berfungsi memelihara keutuhan suatu masyarakat dan kedaulatan sesebuah negara.

Dalam al-Muqaddimah, masyarakat dibahagikan kepada dua kategori oleh beliau iaitu kumpulan badwi yang hidup berpindah randah di padang pasir, manakala satu lagi kumpulan adalah kumpulan hadhari yang menetap di pekan dan bandar. Ibn Khaldun (2004) memerhatikan fenomena badwi-hadhari ini dan melaporkannya seperti berikut:

“... kelebihan keturunan (biasa) terdiri daripada perasaan kumpulan yang berasal daripadanya dan yang membawa kepada kasih sayang dan tolong menolong. Di mana sahaja perasaan kumpulan benar-benar hebat dan tanahnya tetap suci, kelebihan keturunan (umum) lebih jelas (daripada di tempat lain), dan (perasaan kumpulan) lebih afektif”.

Menurut cendekiawan Islam ini, kumpulan badwi memiliki nilai-nilai ‘*asabiyyah* yang kuat dalam keperibadian mereka yang mengupayakan mereka bagi berkerjasama mempertahankan kumpulan mereka daripada sebarang ancaman. Sebaliknya kumpulan hadhari memiliki nilai ‘*asabiyyah* yang lemah kerana kehidupan mereka dipenuhi kemewahan dan kesenangan. Justeru Nurul Fadhilah & Adibah (2018) menegaskan teori ‘*asabiyyah* menurut Ibn Khaldun sebagai:

*“Above all, that was how Ibn Khaldun uses the term ‘Asabiyyah as to describe the bond that exists at any level of civilization, from nomadic society, to states, though it is much stronger in the nomadic phase. He also clarified that one of the critical elements that influences the rise and fall of a community is ‘Asabiyyah. When ‘Asabiyyah is strong, the civilization will rise and when ‘Asabiyyah is weak, the civilization will fall, and then, a new tribe with a stronger and powerful ‘Asabiyyah rises and take charge. Hence, civilization will grow, be mature, decay and then death invites. This is the cyclic stage of civilization”*

‘*Asabiyyah* yang kuat akan membawa kepada pencapaian kuasa politik dan tertubuhnya sesebuah negeri. Menurut Ibn Khaldun, sesebuah masyarakat itu asalnya lemah namun mereka berkerja keras mendapatkan kuasa dan pengaruh bagi mencapai matlamat mendirikan kerajaan dan tamadun. Meskipun begitu, apabila tahap ketamadunan yang tinggi telah dicapai, lama kelamaan ‘*asabiyyah* mereka mulai lemah dan akhirnya mereka akan diganti dengan kumpulan lain yang memiliki kekuatan ‘*asabiyyah* yang lebih ampuh daripada mereka. Maka Ibn Khaldun menegaskan bahawa kebanyakan pemerintah gagal mentadbir dengan baik dan tumbang disebabkan mereka tidak menghayati sifat ‘*asabiyyah* dengan berkesan. Pemerintah akan kecundang dalam pentadbiran jika tiada ‘*asabiyyah* dalam diri mereka oleh kerana kepimpinan wujud melalui kuasa, kedudukan dan legitimasi yang dibangunkan melalui ‘*asabiyyah*. Dalam kaitan ini Wazir, A. et. al. (2022) merumuskan:

*“Asabiyyah is not just group solidarity; it is the combination of group solidarity with a political will to power and organized leadership. Group awareness with a desire to defend oneself and to press one’s claim produces asabiyyah. Thus, according to Khaldun the factor of asabiyyah plays an important role in the affairs of human life. Nevertheless, asabiyyah is usually expressed in warlike activities”.*

Maka, adalah benar menurut Ibn Khaldun bahawa faktor kemakmuran dan perpaduan sesebuah masyarakat amat bergantung kepada ‘*asabiyyah*. Konsep ‘*asabiyyah* yang digunakan oleh Ibn Khaldun terhadap kekuatan dan kejayaan dalam memperkasakan agama dan tamadun perlu dimanfaatkan oleh semua pihak untuk membina hubungan sesama manusia dan perpaduan di kalangan masyarakat. Tanpa semangat ‘*asabiyyah* yang positif, manusia akan mudah terdorong ke arah keruntuhan moral dan lenyaplah peradaban. Oleh itu, andai kata gagasan Ibn Khaldun ini diketahui dan dihayati sehingga mengujudkan kesedaran yang tersebar merata dan berakar

umbi dalam sosiopolitik dan budaya umat Islam khususnya, maka kejayaan proses *renaissance* umat akan berimpak lebih mendalam dan radikal. Berdasarkan kepada peristiwa serangan Tunku Embun terhadap kedudukan Syed Harun Jamalullail di Arau dan tindak balas Perlis terhadap serangan berkenaan dengan merujuk kepada teori '*asabiyyah* Ibnu Khaldun.

### **Serangan Tunku Embun sebagai Pemangkin Kewujudan Negeri Perlis**

Perlis sebagai sebuah wilayah yang penting dalam Kesultanan Kedah bermula pada zaman Sultan Muhyiddin Mansur Shah, Sultan Kedah ke-14 (1651-1661) berpusat di Kota Sena. Perlis menjadi pusat pentadbiran Kedah berterusan pada zaman Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I, Sultan Kedah ke-15(1661-1687) berpusat Kota Indera Kayangan. Menjelang tahun 1797, Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II, Sultan Kedah ke-21 (1897-1803) bertakhta di Kota Indera Kayangan II. Usaha menjadikan Perlis atau Kayang sebagai sebuah wilayah berasingan daripada Kedah semakin jelas pada zaman pemerintahan baginda.

Tambahan pula, dengan kehadiran menantunya, Syed Harun Jamalullail sebagai Penghulu Arau turut merintis ke arah pembentukan Perlis sebagai sebuah kerajaan yang tersendiri dan berdaulat. Tindakan Tunku Embun merupakan adik seayah dengan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1803-1843) melancarkan serangan terhadap Arau di bawah pentadbiran Syed Harun Jamalullail telah mendapat reaksi daripada para penduduk Perlis. Dengan sokongan Raja Muda Kedah Tunku Ibrahim, berakhirnya ancaman Tunku Embun semakin mengukuhkan kedudukan Syed Harun di bumi Perlis. Faktor serangan Tunku Embun jelas menjadi pemangkin ke arah kewujudan Negeri Perlis di bawah pemerintahan Wangsa Jamalullail selepas itu.

### **Tunku Embun dan Hasrat Menduduki Perlis**

Pada sekitar awal kurun ke-19, Kedah dan wilayah takluknya berada di bawah pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804-1845M). Selepas kemangkatan Marhum Kayang II (Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II) tidak beberapa lama kemudian, Tunku Ibrahim telah dilantik sebagai Raja Muda Kedah yang baharu dan diarahkan untuk menetap di Perlis. Syed Harun pula diberi tanggungjawab menjaga kawasan Arau sebagai Penghulu selepas mengahwini Tunku Sofiah, puteri Marhum Kayang II.

Raja Muda Tunku Ibrahim ini merupakan adinda seayahanda dengan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (Kobkua Suwannathat-Pian, 1990). Walau bagaimanapun, tokoh ini lebih berminat menguasai daerah Kuala Muda dan cuba merebutnya daripada kekuasaan Sultan Kedah (Mohammad Isa, 1990; Zahir, 2006). Meskipun begitu, Raja Muda Tunku Ibrahim menyokong legasi Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II terhadap Perlis melalui anakandanya Tunku Sofiah. Justeru, dalam menghadapi persaingan Tunku Embun (Booney, 1974), Raja Muda Tunku Ibrahim dengan sedaya upaya mempertahankan hak suami Tunku Sofiah iaitu Syed Harun Jamalullail sebagai Penghulu Arau.

Tunku Embun pernah mengemukakan permintaan kepada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II untuk mendapatkan Perlis dan Setul tetapi ditolak. Penolakan tersebut menimbulkan rasa tidak puas hati Tunku Embun kerana kawasan Kota Indera Kayang dan Perlis yang ingin dikuasainya mahu diserahkan kepada Tunku Yusof (putera Marhum Kayang II), iaitu adinda sepupu baginda untuk ditadbir. Sebaliknya Tunku Embun hanya diberi kawasan Kota Setar. Tunku Embun kemudiannya datang menghadap Sultan Ahmad Tajuddin II sebanyak tiga kali untuk cuba mendapatkan perkenaan akan permintaannya namun tetap ditolak oleh baginda (Muhammad Hassan, 2018).

Atas faktor penolakan Sultan Kedah dan rasa tidak puas hati dengan keputusan berkenaan, Tunku Embun telah bertindak mencabar kedudukan Syed Harun Jamalullail sebagai pemerintah di Perlis. Tunku Embun menunjukkan kecenderungannya untuk menguasai Perlis dan Setul dengan mempersiapkan sebuah angkatan perang dan telah berkubu di Kodiang. Sewaktu Tunku Embun berada di Kodiang, baginda cuba mengusir Syed Harun Jamalullail dari Arau, dengan menembak meriam ke arah kediaman Syed Harun Jamalullail (Buyong, 2020; Julie, 2002).

### **Tindak Balas Perlis menurut Teori Asabiyyah Ibnu Khaldun**

Serangan Tunku Embun tidak dibalas oleh Syed Harun Jamalullail. Sebaliknya Syed Harun Jamalullail telah mengirinkan sepucuk surat kepada Raja Muda Tunku Ibrahim yang berada di Kuala Muda untuk memohon bantuan. Raja Muda Tunku Ibrahim telah mengambil tindakan pantas dengan menghimpun pasukan tenteranya untuk menyerang kubu Tunku Embun. Bergabung dengan orang-orang Perlis, serangan tersebut berhasil menyebabkan Tunku Embun berundur kembali ke Kedah.

Manuskrip Salasilah Perlis mencatatkan:

“Tunku Embun bawak angkatan itu masuk ke Perlis berkubulah ia Tunku Embun itu di Kota Arau hendak diperhambatkan Syed Harun itu dari Perlis ini ditembak dengan lela autaka ke rumah Syed Harun (2) tiada lawan melainkan diberi surat khiyar pergi pada Tunku Ibrahim Raja Muda ada Kuala Muda sana tinggal. Demikian itu Tunku Ibrahim Raja Muda datang mari himpun orang-orang Perlis ini ia sendiri jadi kepalanya langgar kubu Tunku Embun itu pecah lari balik ke Kedah dan Tunku Raja Muda pun baliklah ke Kuala Muda pulak (Hazman & Mohd Kasturi Nor, 2020). Tindakan Raja Muda Tunku Ibrahim jelas menyebelahi Perlis di bawah penguasaan Syed Harun dan turut membuktikan bahawa baginda mengakui keabsahan wangsa Jamalullail sebagai pemerintah Arau.

Sebelum tahun 1804, Kayang atau Perlis berada di bawah kuasa Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II. Baginda memiliki dua orang putera dan seorang puteri. Putera sulungnya, Tunku Muhammad telah mangkat semasa usia kanak-kanak, Tunku Yusuf dan Tunku Sofiah. Tunku Sofiah pula telah dikahwinkan dengan Syed Harun Jamalullail. Selepas kemangkatan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II (Muhammad Yusoff, 1980), Perlis telah ditadbir oleh menantunya dan Tunku Yusuf dibawa ke Kota Kuala Kedah untuk tinggal bersama-sama Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II. Pada sekitar tahun 1820-an, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II dikatakan mengawal Tunku Yusuf putera Tuanku Dhiauddin yang ketika itu belum cukup umur untuk menetap bersama-sama para pembesar Kota Indera Kayangan. Antara pembesar tersebut seperti Dato Seri Paduka Enggraha Dewa, Maharaja Putra, Paduka Perba Wangsa, Tan Perdana Wangsa, Dato Bijaya Indera dan Kadhi Shaikh Aminuddin (Julie, 2002).

Maka pada tiga belas haribulan Safar tahun hijrah seribu dua puluh tiga (1230). Duli Tunku Dhiauddin Raja Muda Kayang pun mangkat...baginda disebut orang Marhum Kayang Yang Kedua. Maka selepas kenduri tujuh hari duli baginda Yang Maha Mulia pun berangkat balik bersemayam di Kota Kuala bersama-sama adinda Tunku Yusof. Pada ketika itu Tunku Yusof masih belum cukup umur untuk menjalankan pekerjaan. Maka diberi Dato Seri Paduka Enggraha Dewa dan Maharaja Putra dan Paduka Perba Wangsa dan Tan Perdana Wangsa dan Dato Bijaya Indera dan Shaikh Aminuddin yang menjadi Kadhi menjaga Kayang itu. Akan Tuan Syed Abu Bakar Jamalullail menantu Tunku Dhiauddin diberi oleh Duli baginda Yang Maha Mulia memerintah mukim Arau, demikianlah adanya.. (Muhammad Hasan, 2018).

Justeru, walaupun Tunku Sofiah seorang puteri, baginda merupakan satu-satunya pewaris Kota Indera Kayangan II yang masih teguh mempertahankan hak baginda di Perlis semasa berlakunya serangan Tunku Embun. Malah Tunku Ibrahim menyokong tindakan memisahkan Perlis daripada Kedah dan ini memenuhi hasrat Syed Harun Jamalullail untuk mendirikan pemerintahan Jamalullail di Perlis. Kemudian Syed Hussin Jamalullail bertindak meneruskan tindakan berkenan dan tidak berpatah balik. Baginda berjaya mendapatkan pengiktirafan terhadap Perlis daripada Sultan Kedah dan Maharaja Siam sebagai negeri berasingan serta memperoleh jaminan keselamatan daripada ancaman daripada mana-mana kerabat diraja Kedah dan pihak-pihak luar yang lain. Niat untuk menaik taraf Perlis menjadi sebuah negeri tersendiri sudah wujud sejak Syed Harun Jamalullail menjadi Penghulu Arau yang pertama lagi. Berikutan serangan dan ancaman Tunku Embun, maka tercetuslah hasrat untuk menjadikan Perlis sebagai sebuah negeri yang berdaulat dan berasingan daripada Kesultanan Kedah.

Teori '*asabiyyah*' yang dipelopori oleh Ibn Khaldun bermaksud perasaan solidariti, semangat kekitaan, semangat kekeluargaan, perjuangan yang berasaskan kepada keturunan atau darah, *esprit de corps* dan lain-lain dalam konteks yang positif. Justeru Syed Harun Jamalullail dan Tunku Sofiah berjaya menggembelng semangat '*asabiyyah*' penduduk Perlis yang setia untuk bersatu hati dan berpadu tenaga dengan darah, keringat dan air mata bagi menghalang ancaman Tunku Embun. Dengan itu, tidaklah keterlaluan jika diistilahkan peristiwa tindak balas penduduk Perlis kepada serangan Tunku Embun ini sebagai Perang Kemerdekaan Perlis I.

Hasil ikatan persaudaraan dan persahabatan yang erat antara Syed Harun dan Tunku Sofiah dengan Raja Muda Tunku Ibrahim pula, bantuan Raja Muda ini kepada Perlis juga menjadi penukar keadaan (*game changer*) yang amat signifikan sehingga selepas itu tidak ada lagi mana-mana kerabat diraja Kedah yang mengulangi episod Tunku Embun ini. Tidak lama selepas itu, sekali lagi semangat '*asabiyyah*' telah diupayakan untuk berusaha gigih mengujudkan Kerajaan Perlis yang berdaulat dan merdeka. Oleh itu, tindak balas Perlis ini adalah bertepatan dengan teori '*asabiyyah*' Ibnu Khaldun.

### Rumusan

Teori '*asabiyyah*' menurut Ibn Khaldun bukanlah sekadar solidariti kepada kumpulan. Bahkan '*asabiyyah*' adalah gabungan antara solidariti kumpulan, dengan *political will* untuk berkuasa, bersama-sama kepimpinan yang tersusun. Bahkan teori ini memiliki keserasian tersendiri dalam meneliti fenomena muncul atau merosotnya sesebuah kerajaan dan tamadun itu.

Pada awal abad ke-19, Tunku Embun telah melepaskan tembakan meriam secara rambang dari Kodiang, Kedah ke Kota Arau, Perlis bagi tujuan menakut-nakutkan Syed Harun supaya berundur dan meninggalkan Arau. Walau bagaimanapun, Syed Harun dan penduduk Perlis telah bangkit bertindak balas dan Tunku Embun berjaya diusir dengan bantuan Raja Muda Tunku Ibrahim. Episod yang boleh digelar sebagai Perang Kemerdekaan Perlis I ini sesungguhnya mendatangkan kesan yang mendalam kepada Syed Harun, Wangsa Jamalullail dan penduduk Perlis umumnya. Justeru muncullah prakarsa bersama untuk mengasaskan sebuah kerajaan Wangsa Jamalullail Perlis yang tersendiri dan berasingan daripada Kesultanan Kedah, yang direalisasikan dengan pertabalan Raja Syed Hussin Jamalullail pada tahun 1843.

Teori '*asabiyyah*' Ibn Khaldun apabila diaplikasikan terhadap sejarah Negeri Perlis membolehkan kebangkitan Daulah Jamalullail ini difahami dengan lebih mendalam. Adapun tindak balas Perlis terhadap serangan Tunku Embun adalah sepadan dengan teori '*asabiyyah*'

Ibn Khaldun serta menjadi pemangkin kepada tertegaknya Kerajaan Jamalullail Perlis. Kewujudan Perlis sebagai sebuah negeri Melayu beraja dalam teori “asabiyyah Ibn Khaldun adalah hasil perjuangan kolektif yang dilakukan oleh anak watan bagi menegakkan kedaulatan tanpa mengenal lelah.

### Rujukan

- Ahmad Ismail & Yazid Mat. (1992). *Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*. Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis.
- Booney, R. (1974). *Kedah, 1771-1821: The Search for Security and Independence*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Buyong Adil. (2020). *Sejarah Perlis*. Edisi Semakan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salah Faghirzadeh. (2008). *Sosiologi Sosiologi*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Negara (ITBM).
- Hazman Hassan & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. (2018). *Salasilah Perlis: Asal Usul Pemerintahan Jamalullail*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Ibn Khaldun, Abdul Rahman Ibn Muhammad. (2004). *Al-‘Ibar wa Diwan al-Mubtada’ wa al-Khabar fi Ayyam al-‘Arab wa al-‘Ajam wa al-Barbar wa Man ‘Asharahum min Dzawi al-Sha’n al-Akbar*. al-Darwish, Abdullah Ibn Muhammad (Editor). Damascus: Maktabah Hidayah.
- Nurul Fadhilah Binti Ismail & Adibah Binti Abdul Rahim (2018). Ibn Khaldun’s Theory of ‘Asabiyyah and Its Impact on the Current Muslim Community. *Journalism and Mass Communication*, vol. 8 (6): 287-294. doi: 10.17265/2160-6579/2018.06.002
- Julie Tang Su Chin. (2002). *Sejarah Kerajaan Perlis, 1841-1957 = History of the Kingdom of Perlis, 1841-1957*, Monographs of the Malaysian Branch, Royal Asiatic Society, 32.
- Kobkua Suwannathat-Pian. (1990). Phongsawadan Muang Zaiburi (The Chronicle of Negeri Kedah). *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 18: 89-118.
- Mohammad Isa Othman. (1990). *Politik Tradisional Kedah, 1681-1942*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hassan bin Dato’ Kerani Muhammad Arshad. (2018). *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Kedah (PSMCK).
- Muhammad Yusoff Hashim. (1980). *Syair Sultan Mualana: Suatu Penelitian Kritis tentang Hasil Pensejarahan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Asmat Wazir, Shakirullah Dawar, Hamayun Khan & Abda Khalid. (2022). Ibn Khaldun Theory of ‘Asabiyyah and the Rise and Fall of the Mughals in South Asia. *Journal of Al-Tamaddun*, vol. 17 (2): 159-169 <https://doi.org/10.22452/JAT.vol17no2.12>
- Firdaus Zainal. (2021). *Hegemoni UMNO: Pembangunan dan Keruntuhannya Menurut Teori Kitaran Ibnu Khaldun*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Zahir Ahmad. (2006). Peringatan Raja-Raja Kedah: Suatu Pengenalan Naskhah’, dalam Rogayah A. Hamid dan Mariam Salim. *Kesultanan Melayu Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.